

22 MAR 1999

Mokhtar-Fitnah

FITNAH DILAKUKAN OLEH ORANG YANG PUTUS ASA

MARANG, 22 Mac (Bernama) -- Golongan yang menyebarkan fitnah supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan pemimpin UMNO lain dibunuh terdiri daripada mereka yang putus asa, kata Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Wan Mokhtar berkata kumpulan itu mahu menimbulkan huru-hara dan kekacauan di negara ini supaya kuasa asing boleh campur tangan.

"Kita harap benda ini tidak akan berlaku di negara ini," kata beliau kepada pemberita selepas majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Kampung Jambu Bongkok, di sini hari ini.

Menteri Besar itu diminta mengulas pendedahan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Ibrahim Ali bahawa pita rakaman berhubung perkara itu diedarkan di Kelantan.

Wan Mokhtar juga meminta semua pihak di negeri ini supaya berhati-hati dan tidak mudah terpengaruh dengan fitnah seperti itu.

Sementara itu, beliau mengesahkan bahawa kilang memproses emas di Lubuk Mandi, Rusila, di sini akan menutup operasinya buat sementara akhir bulan ini.

Wan Mokhtar berkata kilang itu yang dikendalikan anak syarikat Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), Permint Minerals Sdn Bhd, terpaksa mengambil tindakan itu kerana kos pengeluaran yang tinggi.

Katanya kilang itu mempunyai 103 pekerja, kebanyakannya pekerja kontrak manakala beberapa kakitangan yang dipinjamkan daripada PMINT akan kembali bertugas dengan perbadanan itu.

"Syarikat tidak dapat mengekalkan pekerja kerana ia akan meningkatkan lagi kos pengendalian kerana hasil yang diperolehi tidak setimpal dengan kos pengeluaran yang tinggi," kata Menteri Besar itu.

Permint Minerals sedang berusaha untuk mengenal pasti kawasan-kawasan baru untuk diterokai, kata Wan Mokhtar.

Sehingga tahun lepas, syarikat itu telah mengeluarkan hasil bernilai lebih RM80 juta di tapak seluas 121 hektar. Sebelum tahun 1992, usaha melombong di situ dijalankan oleh penduduk tempatan tetapi ia diambil alih oleh kerajaan berikutan beberapa insiden tanah runtuh yang memabitkan kematian.

-- BERNAMA

SBJ NMO